

24/10/1998

Usaha percepat proses penggabungan

PENGEQUALIAN cukai terhadap duti setem dan cukai keuntungan hartanah sebenar berkaitan dengan penggabungan, dilihat sebagai usaha kerajaan mempercepatkan proses penggabungan di kalangan syarikat kewangan tempatan.

Penganalisis berpendapat, pengecualian itu yang diberikan bagi penggabungan yang diselesaikan mulai hari ini hingga 30 Jun 1999, membayangkan kerajaan mahukan proses penggabungan 39 syarikat kewangan kepada lapan syarikat induk diselesaikan menjelang pertengahan tahun depan.

Penganalisis perbankan di TA Securities Sdn Bhd, Chie King Ngu, berkata sudah jelas sekarang pihak berkuasa mahukan penggabungan itu dilakukan secepat mungkin.

Semua 39 syarikat kewangan bersetuju digabungkan ke dalam lapan syarikat kewangan utama menjelang tarikh akhir 31 Mac lalu ditetapkan oleh Bank Negara bagi mereka penyelesaian proses rundingan.

Menurut laporan ekonomi 1998/99, hanya satu penggabungan selesai sehingga 16 September lalu iaitu penyerapan RHB Finance oleh syarikat induknya, RHB Bank Bhd.

Penggabungan lain yang dicadangkan di bawah kaedah penyerapan kini berada di peringkat akhir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan Negara 1999 semalam, berkata pengecualian itu bertujuan mengurangkan kos penggabungan.

Pada masa ini, penggabungan yang memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 15 Akta Setem 1949 dan Jadual 2 Cukai Keuntungan Harta Sebenar 1976, layak untuk pengecualian duti dan cukai.

Mengenai penggabungan, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, ia kini sudah digalakkan oleh kerajaan untuk beberapa tahun dan adalah penting supaya memastikan bahawa bank adalah berdaya maju dan cekap.

Seorang penganalisis lain berkata, tindakan itu adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk membolehkan institusi kewangan bersiap sedia menghadapi persaingan yang lebih besar kerana liberalisasi sektor kewangan yang akan muncul kelak.

"Hanya melalui penggabungan akan memperkukuhkan institusi kewangan tempatan," katanya.

Bagaimanapun, saya rasa kerajaan perlu melakukan tindakan `paksaan' bagi penggabungan di kalangan bank seperti mewajibkan mereka menaikkan modal.

"Dengan berbuat demikian, bank bersaiz kecil dan sederhana akan terpaksa mencari rakan bagi mempermodalkannya dan ini mudah dilakukan melalui penggabungan," katanya.

(END)